

31 JUL 2000

Hasina-Ketibaan/I

PERDANA MENTERI BANGLADESH TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina tiba di sini, hari ini, untuk lawatan kerja empat hari dalam usaha mempertingkatkan hubungan dua hala serta kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, dekat sini, disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil selaku Menteri pengiring.

Pemimpin Bangladesh itu yang datang ke sini atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diiringi oleh delegasi 73 orang yang termasuk pegawai-pegawai kanan dan ahli-ahli perniagaan.

Turut serta dalam delegasi itu ialah Menteri Buruh Bangladesh M.A. Mannan dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar, Abul Hasan Chowdhury.

Satu majlis untuk menyambut Sheikh Hasina diadakan di Putrajaya disusuli dengan pertemuan antara kedua-dua pihak.

Sheikh Hasina dijangka mengadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara, esok.

Sheikh Hasina dijangka melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia di Cyberjaya, Menara Berkembar Petronas dan menghadiri majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM).

Sheikh Hasina juga akan melakukan lawatan sehari ke Langkawi pada Rabu sebelum menamatkan lawatannya pada Khamis.

Hubungan dua hala antara Malaysia dan Bangladesh terus berkembang dalam pelbagai bidang seperti pertahanan, maklumat dan kerjasama teknikal.

Malaysia merupakan pelabur ketiga terbesar di Bangladesh selepas Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Sehingga akhir tahun lepas, pelaburan Malaysia di Bangladesh dianggarkan bernilai AS\$1,320 juta (AS\$1=RM3.80), sebahagian besarnya dalam sektor telekomunikasi, pengangkutan, pendidikan, penjana tenaga, logi LPG, petrokimia, perisian data, perabot dan industri-industri berasaskan pertanian.

Terdapat 33 syarikat Malaysia yang berdaftar dengan Lembaga Pelaburan Bangladesh.

Jumlah Perdagangan Malaysia dengan Bangladesh tahun lepas bernilai RM534.8 juta dengan imbalan perdagangan memihak kepada Malaysia yang eksportnya ke negara itu berjumlah RM507.2 juta.

Ekport utama Malaysia ke negara itu ialah minyak sawit, yang meliputi 15.7 peratus daripada jumlah ekport Malaysia sementara barangan lain yang dieksport termasuk kapal, bot dan struktur-struktur perikanan, benang tekstil, batu kapur dan bahan binaan serta zink.

Import Malaysia daripada Bangladesh termasuk hasil laut, peralatan fotografi, guni dan beg yang diperbuat daripada jut.

Kedua-dua negara telah menandatangani 11 perjanjian yang termasuk Perjanjian Jaminan Pelaburan (1994), Memorandum Persefahaman Sulit Berhubung Perkhidmatan Udara (1994), Perjanjian Kerjasama Maklumat (1994), Perjanjian Ekonomi dan Teknikal (1992) serta Perjanjian Perkapalan (1983) dan Perkhidmatan Udara (1979).

-- BERNAMA

ARA AZZ PR